

ENHANCE PRIMARY HEALTHCARE (ENPHC)

Projek Komuniti sempena Enhance Primary Healthcare (EnPHC) KKM telah dijalankan di Dataran Pekan Bukit Pasing, Muar, Johor pada 9 September 2017 (Sabtu). Projek ini dijayakan oleh Persatuan Anak Jati Muar (PAJM), sukarelawan KOSPEN dengan dibantu pihak Klinik Kesihatan Bukit Pasing, Muar dengan mengadakan aktiviti saringan kesihatan oleh sukarelawan persatuan tersebut dan aktiviti sampingan lain. Seperti sedia maklum, EnPHC bertujuan untuk mendaftarkan semua penduduk di kawasan/ zon yang berada dalam kawasan Klinik untuk didaftarkan dalam sistem Online Kementerian Kesihatan Malaysia. Pendaftaran ini amat penting kepada kementerian dalam menyediakan perkhidmatan kesihatan yang lebih berkualiti pada masa akan datang.







